

Abdullah, Najib tonton teater

UM - 12 / 5 / 2006

JOHOR BAHRU 11 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak petang ini meluangkan masa selama 2 jam menyaksikan pementasan teater muzikal *Balada Sang Adiputera*.

Persembahan teater adaptasi puisi karya Mohd. Ismail Zam Zam itu diadakan sempena sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 di Stadium Bandaraya Majlis Bandaraya Johor Bahru di sini.

Pementasan teater itu memaparkan semangat juang dan dedikasi kepimpinan UMNO dan ahli-ahlinya di zaman permulaan penubuhan parti itu yang berdepan dengan pelbagai dugaan, rintangan, kesabaran dan semangat juang yang kental serta kukuh.

Ia dijayakan oleh sekumpulan artis veteran bangsawan anjuran Badan Perhubungan UMNO Johor dan Yayasan

Warisan Johor.

Watak utama dalam teater itu, Sang Adiputera diwujudkan bagi melambangkan semangat juang yang utuh dan kekal abadi sehingga kini walaupun pemimpin demi pemimpin silih berganti dan meninggal dunia.

Dalam penceritaan yang dijelmakan melalui beberapa genre, moden dan klasik, *Balada Sang Adiputera* mengetengahkan tokoh-tokoh seperti Datuk Onn, Datin Halimah dan rakan seperjuangannya iaitu Tunku Abdul Rahman, Kiai Salleh dan Ahmad Boestamam.

Abdullah yang juga Presiden UMNO dalam buku perutusan cenderamata pementasan itu berkata, persembahan teater itu harus dibanggakan kerana ia dipentaskan sempena Ulang Tahun Ke-60 UMNO, sebuah parti Melayu yang menjadi perdu kepada perjuangan menaulatkan agama, bangsa dan negara.